

Projek Lebuhraya Pan Borneo paling mahal, tiada tol

Oleh AIMAN ALI

aiman.ali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Perdana Menteri memuji kesungguhan Kerajaan Sarawak di bawah pentadbiran diterajui Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun Openg berikutan perkembangan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) sudah mencapai 90 peratus.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pencapaian kerajaan negeri menguruskan projek LPB sangat membanggakan.

“Pelaksanaan projek LPB sudah mencecah hampir 90 peratus dan ini membanggakan kita kerana seperti yang kita ketahui (jumlahnya) bukan kecil. Projek ini mencecah sehingga RM16 bilion. Ia merupakan projek lebuh raya paling mahal dalam negara kita dan tidak dikenakan tol.

“Di sini, Abang Jo kata tidak mengapa tetapi di Semenanjung, sesetengah ahli parlimen hentam saya. Kenapa di Sabah dan Sarawak tidak perlu membayar tol, kenapa orang Pulau Pinang dan Perlis perlu membayar tol?

“Saya jawab mudah, boleh tidak kamu pergi melawan kawasan di sana? Kalau mereka melawat, mereka lebih simpati dan faham bahawa daerah itu telah ketinggalan lama. Jadi dasar kita itu seharusnya dasar yang lebih prihatin,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program MADANI Rakyat 2024 Sarawakku Sayang di Peka-rangan Boulevard Mall, Miri,



Sarawak semalam.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, buat julung kalinya penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) akan menerima bantuan itu secara tunai melibatkan daerah Miri dan Kapit.

Jelas Anwar, pengagihan kaedah itu dibuat berikutan terdapat Tuai Rumah Panjang memaklumkan kepadanya bahawa terdapat dalam kalangan penerima yang tidak mempunyai akaun bank.

“Bagi STR negeri Sarawak, sejumlah 28,944 penerima akan mendapat sumbangan kerajaan dan akan disalurkan melalui akaun bank.

“Namun, ada Tuai Rumah Panjang memberitahu bahawa di rumah panjang tidak ada akaun bank. Terdapat 500,000 penerima STR yang layak tetapi tidak mempunyai akaun bank, baik di Sabah, Sarawak

dan Semenanjung. Manakala, lebih 51,000 penerima tidak mempunyai akaun bank di Sabah dan Sarawak.

“Justeru, buat pertama kalinya di Miri dan Kapit, kita melancarkan program di mana kita boleh beri (bantuan) tunai secara langsung kepada penerima yang tidak mempunyai akaun bank,” katanya.

Selain itu, Anwar turut mengumumkan tujuh klinik kesihatan di Sarawak yang bakal menerima pemulihan dan dinaiktarafan.

“Klinik yang dinaiktarafkan di Miri adalah Klinik Bemang, Klinik Kesihatan Turan dan Klinik Kesihatan Jambatan Suai.

“Baki lagi klinik untuk dibaik pulih adalah di Taman Negara Mulu, Klinik Kesihatan Long Loyang, Klinik Kesihatan Beluru dan Klinik Kesihatan Long Miri,” katanya.